



JABATAN ALAM SEKITAR PULAU PINANG

**TEKS UCAPAN OLEH
YANG BERBAHAGIA TUAN HAJI MARZUKI BIN MOKHATAR
PENGARAH
JABATAN ALAM SEKITAR PULAU PINANG**

**MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH (IBR)
JABATAN ALAM SEKITAR PULAU PINANG**

PADA 05 MAC 2019 (SELASA)

**DI BILIK MESYUARAT, ARAS 6 – ZON A, WISMA PERSEKUTUAN
SEBERANG PERAI UTARA, KEPALA BATAS, PULAU PINANG**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam
Sejahtera Dan Salam Sayangi, Malaysiaku**

Yang Saya Hormati Saudara Pengacara Majlis

**Yang Berbahagia Tuan Awangku Ahmad Taufik Putra
Timbalan Pengarah
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Pulau Pinang**

Lain2 pegawai SPRM yang perlu diwelcomekan



JABATAN ALAM SEKITAR PULAU PINANG

**Yang Berbahagia Encik Abdul Aziz Bin Parmin
Ketua Penolong Pengarah Kanan
(Bahagian Operasi)
Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang**

**Yang Berbahagia Encik Mohd Fitri Bin Mohd Mokhtar
Ketua Penolong Pengarah
(Bahagian Pembangunan)
Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang**

Seterusnya kakitangan JAS Pulau Pinang

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi atas limpah dan kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul pada hari ini di dalam majlis yang penuh barakah.

2. Dikesempatan ini juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada SPRM Pulau Pinang yang diketuai oleh Timbalan Pengarahnnya iaitu Yang Berbahagia **Tuan Awangku Ahmad Taufik Putra** yang sudi hadir untuk menyaksikan



JABATAN ALAM SEKITAR PULAU PINANG

sesi menandatangani Ikrar Bebas Rasuah JASPP. Kehadiran SPRM Pulau Pinang akan mendorong dan meningkatkan lagi semangat warga kerja JASPP untuk melaksanakan tanggungjawab dengan berintegriti tinggi selaras dengan komitmen untuk menyempurnakan sistem penyampaian perkhidmatan dengan cemerlang.

Hadirin Hadirat yang saya hormati sekalian,

3. Hari ini merupakan satu lagi hari yang bersejarah buat JASPP di mana satu Ikrar Bebas Rasuah (IBR) bakal ditandatangani di antara JASPP dan SPRM Pulau Pinang.

4. Untuk makluman semua warga kerja JASPP, Ikrar Bebas Rasuah (IBR) merupakan satu inisiatif yang diperkenalkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hasil cetusan idea Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli Ahmad yang menekankan kepada ikrar dan janji yang dibuat oleh para kepimpinan organisasi dan warganya secara sukarela atas kapasiti sebagai individu untuk memastikan setiap individu yang menandatangani ikrar tersebut akan



JABATAN ALAM SEKITAR PULAU PINANG

lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas mereka dan menjauhkan diri daripada sebarang perlakuan rasuah selama mereka memegang jawatan tersebut.

5. Pelaksanaan IBR adalah selaras dengan fungsi SPRM di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta SPRM 2009) iaitu mendidik orang ramai untuk menentang rasuah dan mendapatkan serta memelihara sokongan orang ramai dalam memerangi rasuah.

Hadirin Hadirat yang saya hormati sekalian,

6. IBR merupakan satu inisiatif yang dapat memperlihatkan kejujuran, keikhlasan, komitmen kerja dan keinginan untuk berkhidmat dalam suasana kerja yang lebih kondusif dan bebas daripada sebarang anasir rasuah demi menjalankan tanggungjawab dan amanah kepada rakyat.



JABATAN ALAM SEKITAR PULAU PINANG

7. Saya ingin memetik kata-kata daripada C.S. Lewis, ahli akademik dari Britain, "*Integrity is doing the right thing, even when no one is watching*". Dengan itu, saya berharap warga JASPP, dapat sentiasa melakukan perkara-perkara yang baik dan betul tanpa perlu dipantau sentiasa.

8. Peliharalah integriti kita sebagai penjawat awam sebaik-baiknya, kerana tanpa integriti maka sia-sialah ikrar yang dilaungkan dan akujanji yang telah dimeterai. Saya melihat kepada integriti bagi penjawat awam bila mana seseorang menjawat apa-apa sahaja jawatan yang diamanahkan dalam perkhidmatan kerajaan, penjawat awam terbabit perlu bertindak secara jujur dan amanah mengikut bidang kuasa dan tugasnya, telus, tiada konflik peribadi, berwibawa, akauntabiliti serta patuh kepada segala peraturan dan undang-undang yang ditetapkan.



JABATAN ALAM SEKITAR PULAU PINANG

Hadirin Hadirat yang saya hormati sekalian,

9. Sesungguhnya, tidak ada maknanya jika kita memperoleh banyak kejayaan sepanjang tempoh perkhidmatan, sedangkan elemen-elemen integriti tidak digarapkan bersama untuk mencapai kejayaan tersebut. Setiap kakitangan JASPP telahpun didedahkan kepada nilai dan etika dalam perkhidmatan awam. Masalahnya ialah nilai dan etika kerja baik ini tidak berakar umbi di dalam naluri hati kita. Oleh itu, kita wajar menghayati dan mengamalkannya sehingga menjadi satu tabiat dalam melaksanakan dan menyempurnakan kerja harian kita.

10. Sebagai mengakhiri ucapan, tahniah dan terima kasih kepada semua yang terlibat di dalam menjayakan majlis pada hari ini dan saya berharap agar Majlis Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah Bersama SPRM Pulau Pinang ini akan menjadi titik perubahan serta pemangkin ke arah warga kerja yang lebih berintegriti. InsyaAllah.



JABATAN ALAM SEKITAR PULAU PINANG

Sekian Terima Kasih.